

Mahasiswa UniMAP terima manfaat Food Bank Siswa



Ab Wahab (kanan) menerangkan mengenai Program Food Bank Siswa kepada Prof Ir Dr R Badlishah (kiri) sambil diperhatikan Wan Saiful (tengah) dan Mohamad Amir (dua dari kanan), di sini, baru-baru ini.

Arau: Kira-kira 100 mahasiswa daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bakal menerima manfaat menerusi program Food Bank Siswa@UniMAP.

Naib Canselornya, Prof Ir Dr R Badlishah Ahmad, berkata sebagai permulaan UniMAP menyasarkan seramai 100 pelajar daripada pengajian diploma akan mendapat manfaat sebagai perintis program berkenaan.

Beliau berkata, program Food Bank Siswa@UniMAP ini akan digerakkan Unit Kebajikan, Zakat dan Orang Kelainan Upaya (OKU) Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP serta semua pelajar terbabit boleh mula mendapatkan bantuan makanan itu.

"Bagi melaksanakan hasrat ini, UniMAP akan mempertingkatkan prasarana dan kemu-

dahan serta terus bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP) selain Yayasan Food Bank Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Pra Pelancaran Food Bank Siswa@UniMAP di Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman UniMAP, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Yayasan

Food Bank Malaysia, Ab Wahab Long; Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Wan Saiful Wan Jan dan Timbalan Pengarah KPDHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah.

Sementara itu, dalam taklimat yang disampaikan Ab Wahab Long, setakat Julai 2019, seramai 3,820 pelajar dari 11 Universiti Awam (UA) menerima manfaat program itu.

"Kita akan memperluaskan lagi program ini, ke semua UA pada masa akan datang sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya.

Pelaksanaan Program Food Bank Siswa@UniMAP menggunakan dua kaedah iaitu Food Pantry (bantuan makanan kering seperti biskut, air kotak dan mee segera) dan Food Kitchen (bantuan makanan dimasak untuk tiga kali seminggu).

FAKTA NOMBOR

100 pelajar daripada keluarga B40